

100 kereta ^{BH} tenggelam banjir kilat

JOHOR BAHRU: Hampir 100 kereta di tempat meletak kenderaan di Jalan Ayer Molek berhampiran bangunan Wisma Persekutuan dan Mahkamah Tinggi di sini ditenggelami air dalam banjir kilat, petang semalam.

Banjir kilat berikutan hujan lebat lebih sejam itu turut menyebabkan beberapa kawasan rendah di sekitar bandar raya ini termasuk di Jalan Yahya Awal, Jalan Tampoi, Nusa Mutiara dan Kempas Baru, dinaiki air.

Berikutan itu, pasukan Bomba dan Penyelamat serta Jabatan Pertahanan Awam dikerah bagi membantu mangsa yang tersangkut dalam banjir berkenaan.

Sementara itu, seorang penghantar barang, Zawawi Elias, 33, terpaksa berpaut pada tiang telefon lebih setengah jam selepas dihayutkan arus dalam kejadian banjir di Kampung Ungku Mohsin di sini.

Zawawi berkata, kejadian berlaku ketika beliau menunggang motosikal untuk menghantar barang alat ganti kenderaan dari tempat kerjanya di Taman Tun Aminah ke Jalan Tebrau di sini.

"Apabila tiba di tempat kejadian di persimpangan lampu isyarat Kampung Ungku Mohsin, kira-kira jam 3 petang, air naik dengan pantas sehingga paras dada menyebabkan saya gagal mengawal motosikal.

"Saya terpaksa melepaskan motosikal yang dibawa arus dan berpaut pada tiang telefon," katanya.

Zawawi berkata, walaupun tidak bermaya, beliau terus menguatkan semangat.

Beliau bernasib baik kerana beberapa pekerja syarikat Lulus Motor Sdn Bhd berhampiran kawasan itu, melihatnya berpaut pada tiang berkenaan dan bertindak pantas untuk menyelamatkannya.